



## **Rodzi dilantik Ketua Pengarah MAMPU yang baharu**

Oleh Essa Abu Yamin - Mei 30, 2023 @ 4:14pm  
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Rodzi Md Saad dilantik Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi menggantikan Datuk Seri Dr Yusof Ismail berkuat kuasa hari ini.

MAMPU dalam kenyataan berkata, Rodzi berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 33 tahun dan berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk keselamatan dan pengurusan bencana.

"Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sejak 15 Julai 2021.

"Pada masa yang sama MAMPU turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Yusof atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada MAMPU," katanya.

Menurut kenyataan itu, Rodzi, 59, berkelulusan peringkat sarjana dalam bidang Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi dari Universiti Teknologi MARA (UITM) dan Ijazah Sarjana Muda Demografi dan Kajian Kependudukan (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM).